

## NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: DSA EXHIBITION AND CONFERENCEPUBLICATION: BHARIAN.COM.MY

SECTION:

BISNESDATE: THURSDAY, 21 APRIL 2016

PAGE NO.:

1 OF 2CIRCULATION: ONLINE

FREQUENCY:

ONLINEHEADLINE: DSA 2016 CATAT URUS NIAGA RM2.9 BILION

Jumaat, 22 April 2016 - 12:30PM Waktu Solat Kuala Lumpur: Imsak - 5:38 Subuh - 5:48 Syuruk - 7:05 Zohor - 13:15 Asar - 16:29 Maghrib - 19:20 Isyak - 20:31

# BH ONLINE

Dapatkan edisi BH Digital. Hanya RM20 sebulan. [LANGGANI SEKARANG](#)

UTAMA SEMASA POLITIK SUKAN DUNIA BISNES JENAYAH KOLUMNIS RENCANA BH@IT HIBURAN FOTO VIDEO

## BISNES

KHAMIS, 21 APRIL 2016 @ 3:02 PM

## DSA 2016 catat urus niaga RM2.9 bilion

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Haika Khazi  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Urus niaga bernilai RM2.9 bilion sepanjang berlangsung Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016, memberi petanda negara mampu bersaing di peringkat lebih tinggi dalam industri pertahanan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata jumlah itu yang diterjemah dalam bentuk kontrak, perjanjian persefahaman (MoU) dan surat perjanjian, juga bertindak sebagai pemangkin untuk industri terus berkembang.

"Saya gembira melihat kejayaan DSA kali ini. Ia di luar jangkaan kerana dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sambutan yang diterima sangat menggalakkan.

"Ia memberikan kita keyakinan sekiranya berada di landasan yang betul, tidak ada yang mustahil boleh dilakukan.

"Kejayaan ini bukan setakat membanggakan kita yang berada dalam bidang ini, tetapi turut membanggakan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan penutupan DSA 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, sebentar tadi.

Pameran dwitahunan yang menghimpunkan 1,200 pempamer berkaitan industri pertahanan dari 60 negara sejak Isnin lalu berakhir hari ini.

Hishammuddin berkata, DSA 2016 disertai banyak syarikat berkaitan pertahanan bersaiz kecil berbanding pameran sebelum ini.

"Kalau kita lihat dahulu, syarikat besar tempatan dalam industri saja yang mengambil bahagian. Sehubungan itu, pendekatan kita ialah kerjasama antara syarikat bersaiz besar dan kecil diperlukan.

"Tidak ada erti syarikat besar jika tidak disokong syarikat kecil. Kita perlukan kerjasama kedua-duanya," katanya.

## NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: DSA EXHIBITION AND CONFERENCE

PUBLICATION: BHARIAN.COM.MY

SECTION:

BISNES

DATE: THURSDAY, 21 APRIL 2016

PAGE NO.:

2 OF 2

CIRCULATION: ONLINE

FREQUENCY:

ONLINE

HEADLINE: DSA 2016 CATAT URUS NIAGA RM2.9 BILION

Hishammuddin turut memaklumkan seramai 38,000 orang mengunjungi DSA 2016 sehingga semalam.



Pengarah Eksekutif Aerospace and Aviation National Aerospace and Defence Industries Sdn Bhd (NADI), Datuk Edron Hayata Ahmad (dua dari kanan) bersalam dengan Pengarah HAWK International Defence Information Training and Services, Mike Swales (dua dari kiri) selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016, semalam. Hadir menyaksikan, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (tiga dari kanan) dan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jeneral Tan Sri Zulkefli Mohd Zin (kanan). - Foto BERAMA